

# Samih menang tiga Anugerah Inovasi Pendidikan Labuan 2017

NST 6.12.2017 4

LABUAN: Guru Prasekolah Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT), Samih Kukung berjaya meraih tiga anugerah sempena Hari Inovasi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan 2017.

Tiga anugerah tersebut ialah Anugerah Khas Sokongan Inovasi, Anugerah Warga Pendidikan Kreatif dan Inovatif serta Anugerah Khas Guru Pembimbing Inovasi.

Majlis penyampaian anugerah tersebut disampaikan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Raisin Saidin di ruang legar Kompleks Ujana Kewangan Labuan, baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Sektor Jaminan Kualiti, Jabatan Pendidikan Labuan, Khaziyati Osman dan Guru Besar SK Lubok Temiang, Awat @ Cally Moguring.

Samih, 38 tahun anak kelahiran Kampung Toboh Baru, Keningau, Sabah pernah mener-

ima Anugerah Guru Inovatif, Ikon Guru 2016 dan 2017 sempena Hari Guru 2017.

Selain itu, beliau juga meraih Anugerah Judge's Choice Award, Language Units Choice Award di 2nd CAIELTS 2017.

Samih berharap dengan kemenangan itu akan dapat memberi inspirasi kepada guru-guru untuk memudahkan dan menyeronokkan pengajaran dan pembelajaran.

Pada ketika ini, beliau sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Doktor Falsafah Kurikulum dan Pengajaran di UMS, Kota Kinabalu.

Beliau tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Labuan dan SK Lubok Temiang kerana memberi ruang dan peluang kepada beliau menghasilkan inovasi. **-OLEH JAIN-UDIN DJIMIN**



ANUGERAH.... Samih (kiri) bersama Cally menunjukkan anugerah yang dimenangnya sempena Hari Inovasi Pendidikan Labuan 2017 di Kompleks Ujana Kewangan Labuan, baru-baru ini.